

# Wanita mengaku kendali mesin judi didenda RM10,000, penjara sehari

**KUCHING:** Seorang wanita berusia 37 tahun dijatuhi hukuman denda RM10,000 dan penjara sehari oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah mengendalikannya mesin perjudian berupa sebuah telefon bimbit.

Majistret Ling Hui Chuan memerintahkan Dai Siaw Hung dari Sibuan, untuk dipenjara tiga bulan sekiranya gagal membayar denda.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu sekitar jam 3.15 petang pada 19 Mac 2026 di sebuah kedai serbaneka di Taman BDC, Jalan Stutong di sini.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 4B(a) Akta Rumah Judi Terbuka (ARJT) 1953 yang memperuntukkan hukuman denda minimum RM10,000 dan tidak melebihi RM100,000 bagi setiap mesin judi dirampas dan boleh dijatuhi hukuman penjara tidak melebihi lima tahun jika sabit kesalahan.

Berdasarkan keterangan kes, sepasukan polis membuat serbuan di kedai berkenaan susulan disyaki terdapat aktiviti perjudian dalam talian.

Polis kemudiannya menangkap tertuduh dan merampas telefon bimbit disyaki mengandungi unsur-unsur perjudian dalam talian.

Turut dirampas adalah sebuah telefon bimbit, wang tunai berjumlah RM210 dan sekeping kertas tercatat nombor pengenalan pengguna dan kata laluan.

Hasil siasatan mendapati laporan pakar judi mengesahkan telefon bimbit yang digunakan untuk berjudi adalah positif mesin perjudian di bawah Seksyen 2 ARJT 1953.

Malah, telefon itu juga telah diserahkan sendiri oleh tertuduh semasa tangkapan.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Nur Shafiqah Nyaie Ilin sementara tertuduh tidak diwakili peguam.